




**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**  
**BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA**



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur  
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142  
Fax: 603-26925680  
E-mail: info@bqsm.gov.my  
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: **DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM**  
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, MIS (M)

Pendaftar: **Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM**  
KMN, AMP, FISM

Setiausaha: **Sr RATNA MAHYUDDIN**  
DJN, FISM

**SURAT PEKELILING BIL. 4/2009**

24 November 2009

Kepada : Semua Firma Juruukur Bahan Perunding Yang Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**GARISPANDUAN BAGI PEJABAT CAWANGAN**

- 1.0 Surat Pekeliling ini membatalkan surat Pekeliling Bil 1/2009 mengenai Garispanduan tersebut di atas yang bertarikh 17 Julai 2009.
- 2.0 Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) di dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 24.11.2009 telah meluluskan garispanduan baru bagi pembukaan pejabat cawangan Firma Juruukur Bahan Perunding yang berkuatkuasa serta-merta seperti berikut :
  - 2.1 Firma Juruukur Bahan Perunding adalah dibenarkan untuk menubuhkan satu pejabat yang lain di bawah perkara berikut :
    - (i) pejabat cawangan - kesinambungan daripada pejabat utama yang berada di lokasi geografi yang berlainan.
  - 2.2 Penubuhan Pejabat Cawangan
    - (i) Firma Juruukur Bahan Perunding adalah dibenarkan untuk menubuhkan pejabat cawangan dengan syarat-syarat berikut :
      - (a) pejabat cawangan mesti diuruskan secara sepenuh masa oleh seorang Juruukur Bahan Berdaftar yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
      - (b) bagi firma Juruukur Bahan Pelbagai Disiplin (MDP), pejabat cawangan mesti diuruskan sepenuh masa oleh sama ada seorang Juruukur Bahan Berdaftar, Jurutera Profesional atau Arkitek Profesional.
    - (ii) Firma Juruukur Bahan Perunding yang bertaraf ketuanpunyaan tunggal hanya dibenarkan untuk menubuhkan maksima dua buah pejabat cawangan.
    - (iii) Sekiranya sesebuah Firma Juruukur Bahan Perunding berhasrat untuk menubuhkan pejabat cawangan, mereka perlu memenuhi keperluan-keperluan berikut :
      - (a) Melengkapkan borang permohonan pembukaan pejabat cawangan dan mengemukakan bayaran pendaftaran dalam bentuk cek berpaling / wang pos atas nama **Lembaga Juruukur Bahan Malaysia** sebanyak RM100.00.

- (b) memastikan setiap pejabat cawangan sentiasa berada di bawah pengawalseliaan Juruukur Bahan Berdaftar, Jurutera Profesional atau Arkitek Profesional yang menguruskan pejabat cawangan, sekiranya terlibat.
- (c) memastikan permit bagi setiap pejabat cawangan diperbaharui sebelum 31 Januari setiap tahun dengan bayaran pembaharuan sebanyak RM100.00.

3. Am

3.1 Semua kepalasurat Firma Juruukur Bahan Perunding perlu menyenaraikan :

3.1.1 nombor permit pendaftaran dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

3.1.2 tuannya tunggal, rakankongsi atau pengarah bagi ketuannya tunggal, perkongsian ataupun pertubuhan perbadanan beserta kelayakan dan jawatan masing-masing.

3.1.3 alamat kesemua pejabat cawangan yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

3.2 Semua kepalasurat Pejabat Cawangan Firma Juruukur Bahan Perunding perlu menyenaraikan :

3.2.1 nombor permit pendaftaran pejabat cawangan Firma Juruukur Bahan Perunding.

3.2.2 alamat pejabat cawangan dan nama pengurus cawangan beserta kelayakan masing-masing.

3.2.3 alamat dan nombor permit pendaftaran ibu pejabat masing-masing.

3.2 Pejabat tapak projek tidak boleh dianggap sebagai pejabat cawangan.


3.3 Bagi permohonan yang tidak memenuhi keperluan-keperluan pendaftaran yang ditetapkan, bayaran pemprosesan sebanyak RM50.00 akan ditolak secara automatik daripada bayaran pendaftaran.

4. Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta bagi semua pejabat cawangan yang baru.

5. Bagi pejabat cawangan sedia ada, keperluan ini mesti dipenuhi sebelum 31 Disember 2010.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Dengan Perintah Lembaga,

  
Abd Shukor bin Ibrahim  
Pendaftar  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia